

# Jasa kepada negara bukan lesen untuk kaut kekayaan secara salah

PM tegaskan sikap pemimpin korup punca rakyat masih dibelenggu kemiskinan

Oleh Mohamad Lokman Khairi  
bhnews@bh.com.my

**Tanjung Malim:** Jasa kepada negara bukan lesen untuk mengaut kekayaan secara salah dan kemudian berusaha mengelak daripada dikenakan tindakan undang-undang, tegas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menunjukkan penegasannya itu kepada sesetengah pemimpin terdahulu dan sekarang, Perdana Menteri menambah, sikap korup dalam pentadbiran menyebabkan isu kemiskinan terus membelenggu rakyat.

Berikutan salah laku itu yang kemudian dilindungi alasan politik bahawa individu terbabit

pernah berjasa kepada negara, beliau berkata, masalah kemiskinan di negara ini belum dapat diselesaikan meskipun kerajaan silih berganti.

“Kita bersikap tegas, siapa yang ponggah kekayaan berbilion ringgit, tak peduli pemimpin dahulu atau sekarang, tindakan harus diambil. Ini (pernah berjasa kepada negara) masih dijadikan alasan politik.

“Kasihlah dia, dulu berjasa. Semua orang berjasa, ketua kampung, penghulu pun berjasa, namun adakah bila berjasa itu, boleh curi duit masjid?” soal Perdana Menteri.

Berucap pada Seminar 100 Tahun Za’ba Pemikir Kemiskinan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), di sini semalam, Perdana Menteri seterusnya mencabar pemimpin yang melakukan salah laku itu memulangkan semula harta negara.

Tanpa merujuk mana-mana individu secara spesifik, beliau memberi contoh, jika pemimpin itu menjadi menteri kewangan dan berfikir ada jasa kepada negara, adakah boleh ‘mencuri’ berbilion ringgit.

“Kalau benar pemimpin Me-

layu yang rompak harta negara, yang ada kekayaan berbilion ringgit di Malaysia, Amerika Syarikat, England, Eropah itu pejuang Melayu, serah balik wang kamu curi kepada rakyat dan negara,” tegasnya.

## Salah guna kuasa

Kembali mengulas isu kemiskinan, Anwar menjelaskan, pelbagai program bantuan kewangan dilaksanakan kerajaan untuk membantu rakyat miskin, namun kadangkala berlaku salah guna kuasa yang menyebabkan ketirisan.

Katanya, kerajaan membelanjakan RM22 bilion setahun bagi tujuan membasmi kemiskinan dan jika jumlah itu berjaya diurus dengan baik, ia mampu menyelesaikan isu berkenaan di negara ini.

Sebab itu, Perdana Menteri berkata, apabila beliau diberikan kesempatan dan peluang menerajui pentadbiran, Kerajaan MADANI memulakan prinsip tata kelola dari atas.

“Kalau itu dapat dilakukan, apa yang diidamkan Za’ba yang kemudian diulas oleh sarjana, mudah kita selesaikan,” katanya

menambah kerajaan menumpukan perhatian kepada tata kelola bagi memastikan bantuan sampai kepada orang miskin.

Katanya, walaupun terdapat pelbagai agensi untuk membantu dan melaksanakan program membasmi kemiskinan, masih terdapat ketirisan yang menyebabkan bantuan tidak sampai kepada golongan sasar.

“Apa yang kurang di Malaysia? Semua ada, sebut soal pemasaran, kita ada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), untuk ikan kita ada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

“Soal ladang, kita ada Lembaga Pertubuhan Peladang, untuk pekebun kecil ada RISDA, FELCRA. Untuk pembukaan tanah ada FELDA, namun apakah agensi ini diurus dan (bantuan) dilaksanakan dengan telus, bertanggungjawab?”

“Sebahagiannya iya, sebahagiannya tidak,” katanya menegaskan bahawa kemiskinan perlu diperangi melalui usaha yang membabitkan pelbagai dimensi, tidak boleh hanya tertumpu kepada pelaksanaan projek atau program semata-mata.

Beliau menyenaraikan pelbagai aspek yang perlu dilihat dan diberi perhatian berkait isu itu, termasuk punca kemiskinan, pemilikan modal dan kecelaruan dalam sistem pemasaran seperti penindasan oleh orang tengah.

“Contoh, jika harga ikan di Pantai Remis RM2, sampai ke Ipoh jadi RM6 dan bila sampai ke Kuala Lumpur jadi RM12. Kecelaruan ini tidak membantu nelayan miskin.

“Kita buat projek bantu rakyat miskin di Pantai Remis, tapi jika kita tak betulkan penindasan orang tengah, ini ketempangan, (hasilkan) produktiviti dan modal yang rendah. Inilah masalah yang kita tekankan,” katanya.

Katanya, kemiskinan dari pelbagai dimensi sudah lama diulas dan diperjuangkan sarjana dan akademia, termasuk Allahyarham Za’ba yang dijadikan rujukan ilmuwan hari ini bagi membina tekad baharu membasmi isu itu.

Perdana Menteri juga menekankan usaha membasmi kemiskinan bukan terhad dalam bentuk wang ringgit dan harta benda semata-mata, tetapi juga melibatkan kemiskinan akal budi, pemikiran dan cita-cita.